



Bank Pilihan Anda

SIARAN MEDIA

BANK RAKYAT UMUM JUTAWAN KEEMPAT AKAUN PELABURAN-i RIZQ PLUS

KUALA LUMPUR, 25 MEI 2026 – Bank Rakyat hari ini meraikan seorang lagi jutawan baharu Akaun Pelaburan-i Rizq Plus, Low Hui Yong, 58, seorang guru dari Johor Bahru, yang membawa pulang hadiah utama bernilai RM1 juta menerusi Majlis Raikan Jutaan Ganjaran yang berlangsung di Menara Kembar Bank Rakyat.

Cabutan Jutawan ini merupakan sebahagian daripada struktur hadiah dan ganjaran baharu Akaun Pelaburan-i Rizq Plus bagi tahun 2026 dengan jumlah keseluruhan hadiah bernilai RM10.8 juta, sekali gus melahirkan seorang jutawan pada setiap suku tahunan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Rakyat, Ahmad Shahril Mohd Shariff berkata, “Ini merupakan pengumuman jutawan Bank Rakyat yang keempat secara keseluruhan sejak Akaun Pelaburan-i Rizq Plus diperkenalkan pada tahun 2022. Sejak tahun 2022, Akaun Pelaburan-i Rizq Plus terus menerima sambutan yang amat memberangsangkan daripada pelanggan di seluruh negara.

“Pencapaian ini adalah simbol keyakinan pelanggan terhadap produk pelaburan Bank Rakyat. Ia juga merupakan manifestasi bahawa perancangan kewangan yang bijak dan pelaburan yang berdisiplin mampu membawa perubahan besar dalam kehidupan seseorang. Suka juga untuk saya kongsi bahawa pencarian jutawan Rizq Plus tidak terhenti di sini kerana Cabutan Jutawan seterusnya akan berlangsung pada Julai 2026,” katanya ketika berucap pada majlis berkenaan yang turut meraikan pemenang kempen Bank Rakyat yang lain.



Bank Pilihan Anda

Turut diraikan, Fifi Ann Madawan dari Kelana Jaya yang memenangi hadiah Cabutan Bulanan RM20,000 dan Nafizah Ahmad Mokhtar dari Bangsar yang memenangi eGold bernilai RM15,000 bagi kategori *50 Plus Draw*.

Selain itu, Bank Rakyat turut meraikan pemenang Kempen “*We’ll Take You There*” yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM330,000. Kempen tersebut melibatkan empat produk utama Bank Rakyat termasuk Kad Kredit-i, Pembiayaan Peribadi-i, Pembiayaan Perumahan-i dan Pembiayaan Kenderaan-i.

Hadiah utama kereta elektrik MG S5 dimenangi oleh Izwan Idris dari Pahang. Sementara itu, Muhammad Jamil Abas dari Sarawak memenangi pakej kelengkapan rumah bernilai RM30,000, manakala Anis Suraya Che Ab Kadir dari Pahang memenangi pakej percutian ke Norway bernilai RM20,000.

Majlis sama turut meraikan pemenang Kempen Pembiayaan Khas untuk Sektor Awam, yang mana Mohd Azri Arifin dari Kelantan diumumkan sebagai pemenang hadiah utama kereta elektrik Proton e.MAS 5.

-TAMAT-